

SOALAN NO: 133

video (*video streaming*). Akibatnya, talian internet sentiasa sibuk dan gagal diakses oleh pengguna lain. Sehubungan dengan itu, SKMM akan memperkenalkan mekanisma baru yang akan memberi peluang sama rata kepada pengguna. Sebagai contoh, untuk KTW1M, talian akan diputuskan secara automatik selepas 30 minit dan pengguna boleh mengakses semula selepas 1 jam. Selain itu, SKMM juga akan mencadangkan pengenalan 2 bentuk akses yang berbeza iaitu akses percuma dan akses prabayar kepada pengguna yang memerlukan kelajuan yang tinggi.

Sehingga 15 Mei 2014, sebanyak 4,737 KTW1M dan 427 Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) telah dilaksanakan di seluruh negara manakala sebanyak 119 KTW1M dan 71 PI1M dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan beroperasi secara berperingkat sehingga akhir tahun 2014.